

Dipersembahkan Oleh  
Presented By



Dalam Menyokong  
In Support Of



[www.klparkfestival.com](http://www.klparkfestival.com)



# Pertandingan *Fotografi*

# KI Park Festival 2023

Penyertaan Dibuka Kepada Semua

**Sehingga 28 Februari 2023**

Malaysian  
Arts and Flora  
Gardens



**RM1,500**



**RM1,000**



**RM500**

**Sagu Hati  
x 10**

**RM300**

**TEMPAT / VENUE**

**TAMAN  
TASIK  
TITIWANGSA**

**TARIKH / DATE**

**4 - 12  
MAC  
2023**

**WAKTU / TIME**

**9AM - 10PM**



## Pengenalan

Festival Taman Kuala Lumpur merupakan cetusan idea Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berikutan kejayaan “KL Orchid and Bonsai Show” (KLOBS) sebelum ini. Penjenamaan semula KLOBS kepada Festival Taman Kuala Lumpur bertujuan mempromosikan budaya berkebun dan menggalakkan penglibatan aktif warga kota dalam meningkatkan budaya hidup sihat. Melalui festival ini, orang ramai akan lebih terdedah kepada idea baru menghiasi ruang kediaman mereka; dan mempromosikan pelbagai aktiviti taman serta memupuk budaya penghayatan alam semulajadi kepada warga kota.

Bersempena Festival Taman Kuala Lumpur 2023, pertandingan Fotografi dianjurkan bertemakan **Malaysian Arts & Flora Gardens**. Ianya berkaitan imej landskap taman khususnya seni dan flora yang dapat menonjolkan keindahan alam semulajadi, binaan dan struktur serta gaya hidup serta acara. Pertandingan ini diharap dapat memberikan platform kepada pereka kreatif profesional mahupun amatir meneroka keunikan dan kecantikan taman sekitar Kuala Lumpur.



## Objektif

Mencungkil bakat warga kota terhadap kemahiran fotografi dan daya kreativiti berkaitan imej-imej landskap di Bandaraya Kuala Lumpur.

## Tarikh-tarikh Penting

### 20 Januari 2023 (Jumaat)

- Pengumuman dan panggilan penyertaan di media sosial, laman sesawang dan lain-lain saluran

### 15 Februari 2023 (Rabu)

- Dibuka untuk penghantaran borang penyertaan dan karya fotografi

### 28 Februari 2023 (Selasa)

- Tarikh penutupan penyertaan dan penghantaran karya fotografi

### 4 Mac 2023

- Penjurian karya fotografi dan pengumuman pemenang

### 11 Mac 2023 (Sabtu)

- Penyampaian Hadiah



## Terma & Syarat Pertandingan

- Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia 13 tahun ke atas.
- Penyertaan adalah percuma.
- Terhadap kepada satu penyertaan sahaja bagi individu. Tiada penyertaan berkumpulan.
- Peserta bebas mengguna kamera, telefon atau dron.
- Gambar yang diambil perlulah di dalam kawasan Kuala Lumpur khususnya di taman-taman, kawasan lapang, pusat bandar dan lain-lain yang bersesuaian dengan tema.
- Semua gambar yang dihantar untuk penyertaan mestilah dalam bentuk digital (format JPEG)
- Peserta haruslah menghantar gambar dengan resolusi tinggi (minimum 300 dpi).
- Gambar yang dihantar untuk pertandingan ini mestilah merupakan gambar asli daripada peserta pertandingan dan tidak pernah digunakan oleh mana-mana pertandingan.
- Sentuhan digital menggunakan perisian komputer dibenarkan namun tidak dibenarkan membuat gambar manipulasi seperti teknik cantuman, super impose dan lain-lain berkaitan.
- Kriteria penjurian adalah mengikut kreativiti dan keunikan fotografi bertepatan dengan tema berdasarkan huraian konsep dan penceritaan yang dilampirkan.
- Markah bonus akan diberikan kepada peserta yang memuatnaik ke dalam akaun media sosial (FB / Instagram) dengan menanda / tag media sosial klparkfestival atau hashtag klparkfestival2023.
- DBKL berhak menolak sebarang penyertaan foto pertandingan yang melanggar syarat-syarat di atas tanpa sebarang notis kepada para peserta yang terlibat.
- Penyertaan yang dihantar adalah menjadi hak milik DBKL yang berhak untuk menghasilkan semula, menerbit atau mempamerkan untuk tujuan pengiklanan atau bahan promosi tanpa pemberitahuan dan pembayaran kepada peserta.

## Anugerah & Hadiah

### Anugerah Emas

RM1,500, Trofi dan Sijil Pemenang

### Anugerah Perak

RM1,000, Trofi dan Sijil Pemenang

### Anugerah Gangsa

RM500, Trofi dan Sijil Pemenang

### Saguhati x 10

RM 300 dan Sijil Pemenang

## Cara Penyertaan

1. Muat turun borang penyertaan dari laman sesawang KL Park Festival.
2. Isi Borang Penyertaan termasuk menulis sedikit huraian berkaitan konsep atau penceritaan fotografi tersebut.
3. Penghantaran borang penyertaan dan karya fotografi secara dalam talian kepada emel [aktivitiklpf@gmail.com](mailto:aktivitiklpf@gmail.com) subjek '**Pertandingan Fotografi KL Park Festival 2023**'.
4. Penghantaran **ditutup pada 28 Februari 2023 (Selasa), 12.00 tengahari**.
5. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi sekretariat seperti nombor di bawah. Waktu berurusan adalah **hari berkerja 9.00am - 5.00pm**

KL  
Park  
Festival  
2023

Malaysian  
Arts and Flora  
Gardens

## PERTANYAAN

Amal 010 545 7696  
Rini 011 2388 8085  
Hamita 013 206 8662  
Pejabat 03 2617 6431  
[aktivitiklpf@gmail.com](mailto:aktivitiklpf@gmail.com)



Anjuran



**PERTANDINGAN FOTOGRAFI**

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN FOTOGRAFI**

TARIKH TUTUP: 28 FEBRUARI 2023 (SELASA) 12:00PM

Sila lengkapkan dan hantar secara softcopy berserta karya fotografi :  
[aktivitiklpf@gmail.com](mailto:aktivitiklpf@gmail.com)  
cc [klparkfestival@gmail.com](mailto:klparkfestival@gmail.com)

NAMA

ALAMAT

NO TELEFON BIMBIT

ALAMAT EMEL

HURAIAN KONSEP / PENCERITAAN FOTOGRAFI



**PERTANYAAN**

Amal 010 545 7696  
Rini 011 2388 8085  
Hamita 013 206 8662  
Pejabat 03 2617 6431  
[aktivitiklpf@gmail.com](mailto:aktivitiklpf@gmail.com)